

02/12/2003

Kaedah mengurus negara era globalisasi

Tai Sim Yew

TIDAK dapat dinafikan bahawa penghuni dunia, khususnya dalam era globalisasi dan liberalisasi, tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa kecekapan serta semangat bersaing dengan negara lain, terutamanya dengan negara maju adalah faktor penting untuk mencapai impian hidup serta pembangunan dalam arus globalisasi sekarang.

Perubahan arkitektur dunia global telah melalui beberapa peringkat gelombang dan proses pembangunan mendadak yang turut menjadi bahan kajian kelompok intelektual seluruh dunia. Kalangan intelektual telah menamakan proses perubahan ini sebagai 'anjakan paradigma.'

Anjakan paradigma ini menyebabkan dunia mengharungi tiga proses perubahan drastik seperti apa yang ditakrifkan Alvin Toffler sebagai gelombang iaitu Revolusi Pertanian, Revolusi Perindustrian serta Revolusi Maklumat dan Komunikasi.

John Naisbitt, seorang intelektual yang dianggap sebagai guru 'futurist' pula menggariskan 10 arah aliran mega dalam bukunya bertajuk Megatrends yang antara lain termasuk masyarakat perindustrian kepada maklumat, ekonomi nasional kepada antarabangsa dan teknologi paksa kepada teknologi tinggi

Seorang pemikir Jepun, Kenichi Ohmae, pula berhujah dalam bukunya Borderless World bahawa gelombang pembangunan bukan saja tertumpu kepada negara maju kerana perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan berlakunya arus perubahan di seluruh dunia sehingga menjadikan dunia sebagai Global Village.

Adam Smith, yang dikenal sebagai bapa ekonomi politik dunia dalam wacananya yang terkenal, The Wealth Of Nations, menyebut mengenai adanya 'tangan ghaib' dalam proses negara mewujudkan kekayaan. Beliau amat menyedari mengenai pentingnya hubungan antara pasaran dan kerajaan, malah sering berusaha untuk mencapai satu landasan keseimbangan yang adil di antara kedua-duanya.

Untuk itu, Smith menekankan mengenai pentingnya bagi kerajaan untuk mengawal selia keadaan ekonomi pasaran dengan memberi perlindungan, keadilan sosial dan infrastruktur yang mana dengan berbuat demikian, kerajaan dapat mewujudkan prasyarat untuk ekonomi pasaran, di samping menjana dan memperluaskan kemewahan sejagat bagi membolehkan rakyat pelbagai lapisan menikmati keselesaan dan kesejahteraan hidup.

Seorang lagi tokoh ekonomi, Paul Krugman, berhujah bahawa pendekatan dan langkah ekonomi ekstrem adalah diperlukan untuk mengendalikan situasi ekonomi yang ekstrem.

Faktor ini jelas dilihat ketika seluruh dunia dilanda krisis kewangan dan ekonomi. Kita bersyukur kerana Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, berjaya mewujudkan suatu resipi luar biasa untuk mengatasi masalah yang bermula pada pertengahan 1997 itu.

Dalam dunia moden ini, proses perubahan berjalan begitu pantas. Kegagalan kita untuk mengejar perkembangan perubahan ini di samping kelesuan minda, akan membawa kepada kegagalan membangunkan ekonomi negara.

Tokoh sains politik, Samuel Huntington, dalam bukunya The Clash of Civilisations and The Remaking of World Order, menyebut bahawa dunia kini menuju ke arah konflik yang bukannya di antara negara, tetapi antara seluruh peradaban atau tamadun.

Saya tidak bersetuju dengan hujah beliau kerana ia adalah menurut teori akademik. Sewajarnya, semua negara di dunia memikirkan unsur-unsur

kebaikan daripada segi menjalin, memupuk dan meningkatkan hubungan persahabatan, selain memberi perhatian lebih bermakna kepada semangat bekerjasama untuk mewujudkan satu dunia global yang tenteram, aman dan damai.

Setiap negara berdaulat perlu menghindari keadaan atau potensi konflik, sebaliknya menumpukan penuh perhatian kepada peningkatan kerjasama. Kita perlu membanteras unsur imperialisme dan hegemoni politik, ekonomi atau budaya. Unsur neo-kolonisme mesti disekat bagi kebaikan negara dan warga dunia global ini.

Dalam dunia yang serba bergelora dengan setiap negara mempunyai sistem nilai yang berlainan sama ada dari segi agama, budaya, tradisi dan adat resam, kita perlu menanamkan iltizam untuk mewujudkan suatu dunia yang aman dan damai.

Perkembangan pesat teknologi, globalisasi dan kemajuan di bidang sains meninggalkan kesan yang besar terhadap kehidupan kita, menukar cara kita berkerja dan menuntut ilmu. Fajar era maklumat kini sudah menyingsing dan dalam dunia tanpa sempadan yang wujud sekarang, tidak ada negara yang boleh mengasingkan diri daripada pentas liberalisasi dan arus globalisasi yang kian mendesak.

Cabaran yang dihadapi oleh negara di seluruh dunia pada alaf ketiga kini ialah untuk mengurus tempoh dan masa peralihan dari perspektif ekonomi, sosial, politik dan sebagainya.

Dalam konteks negara kita, untuk melayari arus globalisasi yang sedang melanda dunia global, kita perlu menumpukan perhatian kepada aspek pembangunan manusia dan ekonomi. Daya dan potensi manusia mesti dibina oleh individu meliputi pengetahuan, pengalaman, kemahiran, ketekunan, kesabaran, ketelusan, kesetiaan, kepatuhan, bertanggung jawab, ketabahan dan akauntabiliti.

Selain itu, kita juga harus memberi tumpuan kepada keadaan ekonomi yang membabitkan penciptaan suasana yang selesa untuk berniaga bagi pelabur tempatan dan asing, penggemblengan sumber modal, kewangan, tanah, birokrasi yang mantap dan berkesan, penerapan semangat keusahawanan dan kecekapan serta kefasihan dalam mewujudkan satu rangka aktiviti ekonomi yang berdaya saing di pentas ekonomi dunia.

Selain itu, pengeluaran produk berkualiti yang berorientasikan pasaran antarabangsa yang kompetitif, diadun rapi dengan bekalan berterusan, harga yang bersaing, pasaran yang luas dan terancang serta promosi yang berkesan adalah faktor yang memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan.

Pembentukan satu persekitaran ekonomi yang stabil dan suasana politik yang aman dan tenteram adalah mustahak dan menjadi tanggung jawab kita bagi membolehkan usahawan kita berjaya menceburi dunia perniagaan. Di sinilah terletaknya kepentingan kerajaan membantu memperkasakan kelompok usahawan ini.

Pencapaian matlamat falsafah dan strategi dari segi pembangunan manusia yang cemerlang, berdikari, berketrampilan, memiliki sahsiah dan jati diri yang tinggi dan teguh, berpegang teguh kepada nilai, etika dan jiwa yang murni adalah asas untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan seharian kita.

Sehubungan itu, usaha pembangunan keluarga yang sejahtera, masyarakat yang beridentiti, inovatif dan kreatif serta dinamik, penyediaan infrastruktur berkualiti dan pengwujudan rangka kerja yang responsif serta sensitif kepada perubahan dan akhirnya aksesibiliti rakyat kepada birokrasi adalah mustahak bagi menjamin kecemerlangan masa depan rakyat dan negara.

Oleh itu, kita perlu mempertingkatkan kepekaan kita mengenai gelombang transformasi yang sedang melanda dunia global kini dan telah menyebabkan perubahan senario dan dimensi seluruh dunia dari segi ekonomi, politik,

sosial serta budaya.

* Penulis adalah aktivis politik, sosial dan peguam.